



## KENYATAAN MEDIA

OLEH  
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

### TAKWIM MAJLIS MESYUARAT KEDUA DAN KETIGA PENGGAL KETIGA PARLIMEN KE-14

Dimaklumkan bahawa saya telah menerima surat pemakluman yang ditandatangani YAB Perdana Menteri sebagai Ketua Majlis yang memaklumkan bahawa pihak Kerajaan selaras dengan **Peraturan 11(2) dan 15(2)** Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat memutuskan untuk **MEMINDA** takwim **Majlis Mesyuarat Kedua dan Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14**.

2. **Pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** yang dijadualkan pada Khamis, 6 Ogos 2020 **DITANGGUHKAN** kepada suatu tarikh yang akan ditentukan Kerajaan kelak. Penangguhan ini setelah pihak Kerajaan mengambil kira penularan wabak COVID-19 yang telah memberi kesan kepada ekonomi negara dan bagi membolehkan pihak Kerajaan membuat kajian lebih lanjut dan lebih banyak libat urus dengan pemegang-pemegang taruh dapat dilaksanakan.

3. Urusan majlis Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga adalah seperti berikut:

#### **Mesyuarat Kedua**

#### **Dewan Rakyat (mulai 13 Julai hingga 27 Ogos 2020 – 25 hari)**

- *Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja; dan*
- *Rang Undang-Undang dan Urusan Kerajaan yang lain.*
- ❖ *Tidak Bersidang Khamis 30 Julai 2020 (Hari Raya Qurban pada 31 Julai 2020)*
- ❖ *Tidak Bersidang Rabu 19 Ogos & Khamis 20 Ogos 2020 (Awal Muharam pada 20 Ogos 2020)*

4. Selanjutnya, takwim Persidangan Dewan Rakyat Bagi **Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14** Tahun 2020 **DIPINDA** kepada **tarikh mesyuarat baru** iaitu mulai **2 November hingga 15 Disember 2020**.

**Mesyuarat Ketiga**

**Dewan Rakyat (mulai 2 November hingga 15 Disember 2020 – 27 hari)**

- ***Pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan (Belanjawan) 2021 oleh YB Menteri Kewangan ditunda daripada Jumaat, 2 Oktober 2020 kepada Jumaat, 6 November 2020, jam 4.00 petang***

5. Justeru, Setiausaha Dewan Rakyat, Tuan Nizam Mydin Bacha Mydin akan mengeluarkan **Notis Panggilan Mesyuarat** dan **butiran pindaan takwim** tersebut kepada semua Ahli Dewan Rakyat pada hari ini Jumaat, 12 Jun 2020.

Sekian, terima kasih.



**TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF**

Yang di-Pertua Dewan Rakyat

12hb. Jun 2020